

Insaniah anjur bengkel atur cara komputer

ALOR STAR, Ahad – Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (Insaniah) akan mengadakan Bengkel Pengaturcaraan Komputer Menggunakan Java pada 9 hingga 13 Jun ini.

Bengkel yang diadakan di Makmal Komputer, Kuliah Pengurusan Insaniah itu akan bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Antara tujuan utama bengkel itu adalah bagi memperbaiki kelemahan pengaturcaraan yang ketara di kalangan pelajar serta meningkatkan kepakaran itu supaya dapat diaplikasikan.

Bengkel yang akan disertai semua pelajar semester empat bagi program Diploma Teknologi Maklumat itu juga dapat meningkatkan daya saing peserta.

Insaniah juga akan mengadakan satu lagi bengkel iaitu Bengkel Penyediaan Set Perakaunan Menggunakan Perisian Perakaunan yang akan diadakan selama dua hari bermula 14 Jun ini.

Bengkel itu membabitkan semua pelajar tahun akhir Diploma Perakaunan akan diadakan di Makmal Sekolah Perakaunan (SPK) Universiti Utara Malaysia (UUM) bermula jam 9.00 pagi.

Ia bagi melengkapkan pelajar dengan pelbagai maklumat dan latihan penyediaan set perakaunan seperti penggunaan lembaran kerja (Excel) dan juga perisian perakaunan (MYOB) serta membantu menambahkan keyakinan pelajar bagi memenuhi permintaan pasaran pekerjaan.

Antara penceramahnya Agoos Munalis, Shahifol Arbi Ismail dan Rosli Mohammad.

BH · 27 mei 02

mls 13